


e-Buletin **KOPERASI**

SINOPSIS

BIL.6/2025



Lawatan

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
TERENGGANU

GERAI KOPMET PALING LARIS DI
MAJLIS TAUTAN MAHABBAH KOPERASI
NEGERI TERENGGANU AIDILFITRI 2025

MAJLIS TAUTAN MAHABBAH KOPERASI
TERENGGANU SEMPENA AIDILFITRI 2025
MERIAH DIKUNJUNGI

SKM SANTUNI KOMUNITI B40 PULAU REDANG
MELALUI PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL
KORPORAT (CSR)



GERAI KOPMET PALING LARIS DI MAJLIS TAUTAN MAHABBAH KOPERASI NEGERI TERENGGANU AIDILFITRI 2025

KUALA TERENGGANU, 17 APRIL 2025

Gerai milik Koperasi Pengusaha Melon Manis Terengganu Berhad (KOPMET) menjadi tumpuan utama dalam Majlis Tautan Mahabbah Koperasi Negeri Terengganu Sempena Aidilfitri 2025 apabila juadah berasaskan Melon Manis Terengganu yang disediakan mereka mendapat sambutan luar biasa daripada para tetamu.

Antara hidangan yang disajikan adalah aiskrim dan jus melon manis, dua produk utama yang menjadi simbol inovasi dan daya tarikan koperasi tersebut.



Menurut jurucakap merangkap duta KOPMET, Wan Kamarudin Wan Ibrahim, keenakan produk KOPMET terletak pada rasa manis semula jadi buah tersebut. "Rasa manis-manis buah ini memang menarik perhatian tetamu. Kami menggunakan buah melon manis 100% asli untuk menghasilkan aiskrim dan jus ini."

STRATEGI PERLUASAN KE DESTINASI PELANCONGAN

Tambah beliau lagi, koperasi kini sedang merangka strategi untuk memperluaskan penanaman melon manis di kawasan-kawasan tumpuan pelancong seperti Pulau Perhentian dan Pulau Redang. Langkah ini bertujuan memperkenalkan buah ikonik Negeri Terengganu kepada pelancong dalam dan luar negara melalui produk unik seperti aiskrim dan jus melon manis.



"LARIS DALAM SATU JAM"


Lebih membanggakan, dalam tempoh kurang satu jam, semua aiskrim dan jus yang disediakan telah habis dijual. Pengurus KOPMET, Tengku Norulhuda Tengku Muhammad yang lebih mesra dikenali sebagai Pok Ku, memaklumkan bahawa kapasiti juadah yang disediakan adalah mencukupi untuk 500 orang tetamu, namun permintaan yang tinggi menyebabkan gerai mereka menjadi antara paling sibuk dan meriah sepanjang majlis berlangsung.

"Sambutan ini memberi isyarat positif bahawa produk berasaskan melon manis mempunyai potensi besar untuk dikomersialkan dengan lebih luas,"



Langkah ini bukan sahaja akan mengukuhkan jenama KOPMET di peringkat tempatan, malah mampu membuka peluang pasaran baharu kepada koperasi tersebut. Ia juga seiring dengan usaha menjadikan produk tempatan sebagai tarikan pelancongan yang mempunyai nilai tambah ekonomi.





SKM SANTUNI KOMUNITI B40 PULAU REDANG MELALUI PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

PULAU REDANG, TERENGGANU, 17 APRIL 2025

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) terus komited terhadap pembangunan komuniti melalui pelaksanaan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang menyasarkan golongan kurang berkemampuan.

Majlis penyerahan sumbangan CSR yang merupakan salah satu pengisian di dalam Program Sembang Santai dan Jom Jelajah Koperasi Negeri Terengganu 2025 telah diadakan di Sekolah Rendah Kebangsaan Pulau Redang, melibatkan pemberian bantuan kepada **17 pelajar asnaf dan anak yatim** yang merupakan anak-anak penduduk setempat. Rata-rata mereka datang daripada keluarga berpendapatan rendah (B40), yang menjadikan bantuan ini amat bermakna bagi meringankan beban kos pendidikan anak-anak.



Sumbangan ini telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif SKM, kepada wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Rendah Kebangsaan Pulau Redang untuk disalurkan terus kepada para penerima.

Menurut YBhg. Datuk Rusli, program ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan SKM untuk menyantuni masyarakat, khususnya di kawasan luar bandar yang kurang mendapat akses kepada kemudahan dan bantuan.

"SKM bukan sahaja memacu pembangunan sektor koperasi, malah turut mengambil berat terhadap kesejahteraan masyarakat sekeliling, terutamanya mereka yang memerlukan," ujar beliau semasa menyampaikan sumbangan tersebut.

Tambah beliau, pelaburan sosial seperti ini adalah penting bagi memastikan tiada golongan yang tercicir, terutamanya dalam bidang pendidikan yang menjadi asas kepada pembangunan generasi akan datang. Selain itu, beliau turut berpesan kepada para pelajar untuk mengutamakan serta mendalami ilmu sebagai jalan keluar dari kepompong kemiskinan.

Program ini bukan sahaja mencerminkan nilai-nilai murni yang dipegang oleh SKM sebagai institusi awam, malah turut menjadi contoh amalan terbaik dalam melaksanakan tanggungjawab sosial secara inklusif dan berimpak tinggi. SKM berhasrat untuk meneruskan lagi inisiatif sebegini di lokasi-lokasi lain, dalam usaha menjadikan koperasi sebagai pemangkin kesejahteraan komuniti secara holistik.



MAJLIS TAUTAN MAHABBAH KOPERASI TERENGGANU SEMPENA AIDILFITRI 2025 MERIAH DIKUNJUNGI

KUALA TERENGGANU

Kemeriah sambutan Aidilfitri diteruskan dengan penganjuran Majlis Tautan Mahabbah Koperasi Negeri Terengganu Sempena Aidilfitri Tahun 2025 yang berlangsung di Menara Café KOSMAT, MBKT, Kuala Terengganu.

Majlis ini dirasmikan oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Ia menjadi platform penting dalam mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan warga koperasi serta masyarakat setempat.

Dengan kerjasama erat antara SKM dan Gerakan Koperasi Negeri Terengganu, majlis ini disokong oleh 50 koperasi sebagai rakan strategik. Sebanyak 20 jenis juadah tradisional Aidilfitri disediakan kepada para pengunjung, dengan sasaran kehadiran sehingga 1,000 orang.



SOROTAN UCAPAN PERASMIAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SKM:

Beliau mengucapkan tahniah kepada 39 koperasi Terengganu yang tersenarai dalam 100 Koperasi Terbaik Malaysia dan Top 350 Tahun 2024. Ini bukti kejayaan dan kematangan koperasi di negeri ini.

STATISTIK KOPERASI TERENGGANU (2024)



Beliau turut memberi penekanan kepada pelaksanaan Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) untuk melonjakkan sektor koperasi sebagai pemangkin pertumbuhan sosioekonomi negara. Selain itu, beliau menyeru agar koperasi lebih kreatif, inovatif dan tidak lagi bergerak secara konvensional demi kekal relevan dan berdaya saing.

Majlis ini bukan sahaja menyemarakkan sambutan Hari Raya, malah memperkuuh semangat kekitaan dan perpaduan dalam komuniti koperasi. Ia turut menjadi medan penghargaan kepada pencapaian koperasi Terengganu yang semakin ke hadapan dalam arus pembangunan sosioekonomi negara.



SOKONGAN KEPADA KOPERASI MELALUI PELBAGAI PROGRAM:

- Program JEJAK (Jom Jelajah Koperasi) – insentif sehingga RM12,500, telah disalurkan RM198,000 kepada 22 koperasi Terengganu.
- RM1.194 juta bantuan diagihkan kepada 18 koperasi melalui 8 program.
- Pembiayaan TMPSKM berjumlah RM3.4 juta kepada 13 koperasi.